

Banjir semakin pulih

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
rodelio.taucan@utusan.com.my

KOTA BHARU 29 Nov. - Banjir yang melanda negeri ini semakin pulih dengan jumlah mangsa yang masih ditempatkan di pusat pemindahan banjir berkurang kepada 787 orang daripada 220 keluarga.

Portal rasmi banjir Kelantan, <http://ebanjir.kelantan.gov.my> setakat pukul 4 petang ini melaporkan hanya empat buah pusat pemindahan yang masih dibuka iaitu di Pasir Mas dan Tumpat.

Tiga pusat pemindahan yang masih dibuka di Pasir Mas adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Teh, SK Kedai Tanjong dan SK Gelang Mas, manakala SK Pengkalan Kubor 2 masih dibuka di Tumpat.

Seramai 290 mangsa daripada 79 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Pasir Mas, manakala 497 mangsa daripada 141 keluarga terlibat di Tumpat.

Sementara itu, paras air Sungai Golok di Rantau Panjang semakin surut bagaimanapun bacaannya masih berada di paras bahaya iaitu pada kedalaman 9.80 meter melebihi paras normal sembilan meter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Rantau Panjang mendapati kebanyakan penduduk sudah pulang ke



WARGA emas, Siti Habidah, 80, membersihkan dinding rumahnya setelah banjir mula surut di Kampung Jelujuk Haji Senik, Tumpat, semalam.

rumah masing-masing dan membersihkan kediaman mereka.

Mohamad Zailani Hussin, 27, ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kedai Lama berkata, dia bersama keluarganya telah dibenarkan

pulang ke rumah mereka pagi ini kerana air telah surut sepenuhnya.

“Saya duduk pusat pemindahan SK Sri Rantau Panjang 2 selama empat hari sebab rumah ditenggelami air sampai ke paras pinggang menyebabkan kami

menerima arahan untuk berpindah.

“Saya ucap terima kasih kepada semua agensi kerajaan yang menyediakan tempat tinggal kepada kami dengan bekalan makanan yang mencukupi setiap hari,” ujarinya.